

Tarikh: 7th Oktober 2022

Ruj: QBEB/Notice (23) (MS)/Consultants 07102022 (26)

Kepada: Ahli, Perunding & Ketua Agensi Quantum Bullion Exchange Board ("QBEB")

NOTIS KEPADA AHLI QBEB

"PROGRAM EKSEKUTIF EMAS" BARU DI BAWAH AKADEMI GOLD BULLION DARIPADA QBEB PUSAT KECEMERLANGAN UNTUK SEMUA PERUNDING YANG BARU BERDAFTAR

QBEB sentiasa meningkatkan dan menambah baik keperluan pembangunan ahli. Oleh yang demikian, QBEB ingin memperkenalkan "Program Latihan Perunding Baharu" untuk ahlinya yang ingin menaik taraf menjadi perunding. Modul latihan dan kaedah penyampaian telah direka oleh **Pusat Kecemerlangan QBEB (QCOE)**.

Berkuatkuasa mulai **22 Oktober 2022**, QBEB dengan sukacitanya mengumumkan bahawa kami akan melancarkan "**Program Eksekutif Emas**" (GEP), yang dibawakan kepada anda oleh Gold Bullion Academy (Divisyen) di bawah QCOE. Program latihan ini menawarkan modul eksekutif untuk ahli yang ingin membina kerjaya mereka dan/atau meningkatkan kemahiran mereka dengan Quantum Metal sebagai Perunding. Program latihan ini terdiri daripada modul asas dan modul pertengahan yang wajib diambil, seperti di bawah:

1) MODUL ASAS:

Modul ini adalah untuk membolehkan semua ahli mempelajari pengetahuan asas dengan melayari laman web QMSB (www.quantummetal.com.my) dan QBEB (www.qbeb.org):

- i. Syarikat dan perniagaannya.
- ii. Pengetahuan Produk Asas.
- iii. Sumber dan Maklumat Perhubungan.

Terdiri daripada 20 soalan penilaian.

- a. Ujian boleh diambil pada bila-bila masa sebelum Latihan Modul Pertengahan bermula. Anda juga boleh melakukannya pada hari yang sama Latihan Modul Pertengahan dijalankan.
- b. Jika markah anda kurang daripada 50%, anda mesti mengambil semula ujian dalam masa dua minggu. Walaubagaimanapun, ahli masih boleh menyertai Latihan Modul Pertengahan semasa sesi latihan sedang berlangsung.

2) MODUL PERTENGAHAN:

Modul ini akan dikendalikan oleh tenaga pengajar untuk mempelajari semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh ahli untuk menjadi seorang perunding:

- i. Tadbir Urus, Syariah dan Pematuhan.
- ii. Tatakelakuan dan Etika Perniagaan.
- iii. Emas, Wang dan Ekonomi.
- iv. Pengetahuan Syarikat dan Produk.

Terdiri daripada 80 soalan penilaian.

- Jika anda mendapat markah kurang daripada 70%, anda mesti mengambil semula ujian dalam masa dua bulan (2 percubaan percuma; jika gagal, anda perlu membayar **RM100.00 (Ringgit Malaysia Seratus)** untuk dua percubaan seterusnya).
- Sijil (termasuk digital dan salinan fizikal) akan diberikan kepada setiap ahli yang lulus penilaian.

Kursus ini akan disediakan dalam tiga (3) bahasa berbeza iaitu **Bahasa Malaysia, Inggeris, atau Mandarin**. Ahli dikehendaki memaklumkan Penjagaan Keahlian (Membership Care) melalui e-mel di care@qbeb.org dalam tempoh 1 – 3 hari bekerja lebih awal selepas berjaya membuat pembayaran kepada QBEB GSA. Pautan URL untuk latihan dan penilaian akan dihantar ke e-mel peribadi anda selepas pendaftaran.

Semua ahli digalakkan untuk memulakan kerjaya mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk memulakan perjalanan yang bermanfaat sebagai perunding berdaftar yang cekap, Ahli QBEB yang Bermutu dan dibimbing oleh perkara di atas dalam kami bergerak ke hadapan dengan keperluan baharu semasa fasa penambahbaikan.

Kursus ini tidak terhad kepada Perunding baru, malah kami menggalakkan Perunding sedia ada untuk mengambil latihan / ujian untuk peningkatan berterusan kemahiran dan pengetahuan. Dua percubaan pertama (latihan dan ujian) adalah percuma!

Terima Kasih,

Pengurusan QBEB

QBEB VALUES

